



# INFO RINGKAS





### Cetusan idea Indeks Syariah Malaysia

*“Salah satu projek yang amat dekat di hati saya ialah projek Indeks Syariah. Saya selalu sebut tentang Maqasid Syariah, menjaga agama, nyawa, harta, akal dan keturunan. Ini prinsip tonggak dalam Islam. Apabila ada Indeks Syariah ini, kita boleh buat pengukuran dan Malaysia boleh buat perbandingan dengan negara-negara lain”.*

Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak  
sempena Majlis Perdana Ulama'~Umara' 2014 dan Anugerah Masjid Malaysia  
pada 28 Ogos 2014  
di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

### Apa itu Indeks Syariah Malaysia

❖ Pembinaan Indeks Syariah Malaysia adalah satu usaha perintis dan ke hadapan oleh Kerajaan bagi memperkuatkannya komitmen memajukan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam dan secara tidak langsung menilai tahap keseriusan Malaysia dalam melindungi, menyubur dan memantapkan prinsip serta nilai Islam melalui strategi yang pragmatik dan progresif berdasarkan pada Islam sebagai Agama Persekutuan.

❖ Dalam konteks Indeks Syariah Malaysia yang dibina, terdapat lapan (8) bidang utama dikenal pasti untuk mengukur tahap komitmen dan pelaksanaan prinsip dan nilai Islam di Malaysia. Bidang-bidang tersebut adalah:



 Tahap pengukuran bagi bidang-bidang berkenaan dijuruskan dalam kerangka prinsip pemeliharaan Maqasid Syariah iaitu:



- Pengukuran mengikut bidang-bidang utama tersebut dalam kerangka Maqasid Syariah mampu mencerminkan sejauh mana tahap pengetahuan, pemahaman dan pengamalan sama ada oleh Kerajaan (sebagai pembuat dasar), agensi-agensi (pelaksana dasar) serta individu dan masyarakat (penerima manfaat).

- Secara umumnya, penilaian khususnya pada usaha, penglibatan dan persepsi ketiga-tiga komponen tersebut secara tidak langsung menjadi kayu ukur pada pencapaian matlamat Maqasid Syariah yang menekankan prinsip *maslahah* (manfaat umum), *al-'adl wal ihsan* (keadilan dan kebaikan), *islah* (transformasi berterusan) dan *Al-Falah* (kejayaan). Dalam konteks ini, ia menepati tuntutan pembangunan individu, masyarakat dan negara yang seimbang dari segi fizikal dan bukan fizikal.

### Bila Indeks Syariah Malaysia dilancarkan

Selaras dengan hasrat dan kesungguhan Kerajaan untuk melahirkan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia yang belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana negara, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Indeks Syariah Malaysia pada 10 Februari 2015 bersempena dengan Majlis Perdana Ulama'~ Umara' 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

### Teras utama pembinaan Indeks Syariah Malaysia

- Memaju, menyubur dan memperkasakan Islam sebagai Agama Persekutuan.
- Mewujudkan sebuah indikator komprehensif dan saintifik bagi menilai komitmen serta tahap keseriusan usaha dan bukannya semata-mata tahap pencapaian dalam menterjemahkan prinsip dan nilai Islam.
- Menggubal indeks untuk mengukur tahap keseriusan dalam mengimarahkan prinsip, nilai dan sistem Islam berdasarkan Maqasid Syariah dengan mencakupi komposisi sektoral yang komprehensif.
- Membentuk Malaysia sebagai model sebuah negara Islam yang membangun dan progresif dengan bertunjangkan prinsip Maqasid Syariah.

### Tujuan Indeks Syariah Malaysia diperkenalkan

- Menilai keseriusan usaha Kerajaan dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program Kerajaan yang dilaksanakan dari tahun ke tahun.

Mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan supaya dapat menerima lebih banyak manfaat hasil daripada penerapan nilai sejagat dalam Islam.

Meningkatkan tahap patuh syariah pada setiap dasar dan program pentadbiran serta pembangunan negara.

### Kepentingan Maqasid Syariah sebagai asas ukuran Indeks Syariah Malaysia

Prinsip Maqasid Syariah adalah kunci utama bagi membantu melancarkan tadbir urus sesebuah Kerajaan melalui peranan pembentukan individu sehingga kepada sebuah negara yang sempurna.

Mengikut kupasan para fuqaha Islam, kepentingan manusia dan masyarakat yang dijamin oleh Syariah Islam didorong oleh empat (4) inti pati yang utama seperti berikut:



Syariah Islam memelihara lima (5) tunjang yang menjadi pokok dan asas utama dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan seluruh umat manusia yang dikenali sebagai Maqasid Syariah. Teras Maqasid Syariah sangat penting dalam penerapannya sebagai model strategik bagi pentadbiran negara ke arah negara maju dan harmoni. Ia juga adalah prinsip asas yang menjadi keperluan *fundamental* kepada pengukuhan sistem pengurusan kewangan dan ekonomi negara,

pendidikan serta politik di samping pemantapan pengurusan masyarakat majmuk di Malaysia secara menyeluruh. Begitu juga ia berperanan sebagai teras terpenting dalam pemerksaan institusi perlembagaan serta perundangan negara berlandaskan prinsip Maqasid Syariah yang berpaksikan ketelusuran, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik.

## Kerangka kajian Indeks Syariah Malaysia

- ➊ Indeks Syariah Malaysia ini dirangka untuk menjadi kayu ukur dan penanda aras sejauh mana Kerajaan pada hari ini telah melaksanakan prinsip-prinsip syariah dalam pemerintahan dan ia juga bertujuan untuk perancangan pada masa hadapan agar segala kekurangan dalam pelaksanaan pentadbiran Kerajaan yang ada pada hari ini dapat dipertingkatkan dan ditambah baik selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.
- ➋ Untuk setiap satu bidang, Indeks Syariah Malaysia akan mengukur dan menyemak sama ada dasar dan program yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan, menepati tahap penyempurnaan lima (5) aspek dalam tuntutan Maqasid Syariah; iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta.
- ➌ Sebagai contoh, apabila hendak dinilai sektor pendidikan para penyelidik akan mengenal pasti aspek-aspek pendidikan yang ada dalam negara kita sama ada benar-benar memenuhi tuntutan syariah dalam menjaga lima (5) matlamat atau istilah syaraknya *Dharuriyah Al-Khamsah*. Ini bermakna, kalaupun ada program-program yang tidak berlabel Islam tetapi memenuhi tuntutan syariat maka ia tetap dianggap memenuhi aspek Maqasid Syariah.
- ➍ Demikian juga dalam sektor ekonomi, pengukuran Indeks Syariah tidak hanya bersandarkan kepada institusi-institusi, dasar-dasar, program-program yang berlabel dan berjenama Islam seperti perbankan atau kewangan Islam.
- ➎ Aspek-aspek lain dalam pengurusan ekonomi yang juga memenuhi tuntutan prinsip dan aspirasi syarak seperti pembasmian kemiskinan ataupun kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan juga harus dilihat daripada neraca syariat. Ini kerana, pembasmian kemiskinan merupakan tuntutan syarak sehingga Nabi SAW sendiri menitikberatkan aspek menangani kemiskinan kerana menyifatkan kefakiran adalah dekat dengan kekufturan.

Justeru, dalam usaha Kerajaan untuk mengimarahkan prinsip Maqasid Syariah dalam dasar Kerajaan, maka dasar yang tidak berlabelkan Islam tetapi menepati nilai Islam yang terkandung dalam Maqasid Syariah, maka ianya juga telah memenuhi kayu ukur Indeks Syariah Malaysia.

### Perbezaan Indeks Syariah Malaysia dengan *Human Development Index (HDI)*

Indeks Syariah Malaysia adalah satu kaedah pengukuran yang saintifik dan menyeluruh bagi menentu ukur kedudukan Kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip asas Islam iaitu Maqasid Syariah. Lima (5) elemen utama dalam Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan kayu ukur utama yang akan digunakan untuk mengukur lapan (8) bidang utama pentadbiran negara iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.

Berbeza dengan *Human Development Index (HDI)* yang merupakan kayu ukur bagi menentukan status maju atau mundur sesebuah negara, ialah sebuah rumusan indeks komposit (indeks yang menggabungkan pelbagai petunjuk) yang mengukur pencapaian purata sesebuah negara dalam tiga (3) aspek asas kehidupan manusia, iaitu kehidupan yang panjang dan sihat, pencapaian pendidikan dan gaya hidup.

### Kepentingan Indeks Syariah Malaysia ini kepada masyarakat, agama dan negara

Indeks Syariah Malaysia ini dilihat sebagai pelengkap kepada:

- Ketinggian syiar Islam di Malaysia.
- Kemajuan setiap sektor, bidang dan komponen yang membentuk sebuah negara yang maju dan progresif mengikut model atau acuan Malaysia.
- Keharmonian dan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.



## HUBUNGI KAMI

**UNIT INDEKS SYARIAH MALAYSIA**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**  
**Aras 5, Blok D7, Kompleks D,**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**  
**62519 Putrajaya.**

No. Telefon:

03 - 8886 4240	03 - 8886 4806
03 - 8881 1826	03 - 8881 1231

No. Faksimili:

03 - 8881 1799